




JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

13 MAC 2024 (RABU)

Harga Ayam Naik Menjelang Ramadan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo	Negara	16	16 Mac



MOHD. HAFIZUL (kiri) memotong ayam yang dijual kepada pelanggannya di Kampung Duyong, Seberang Takir, Kuala Nerus semalam.

Pengguna dakwa ada pihak ambil kesempatan

Harga ayam naik menjelang Ramadan

Oleh TENGKU DANISH BAHRI + TENGKU YUSOFF

KUALA NERUS – Pengguna di daerah ini dan Kuala Terengganu merungut apabila harga ayam segar melambung pada hari pertama Ramadan semalam.

Seorang pengguna, Nur Hazwani Ilyas, 43, mendakwa, harga ayam segar kini RM10.80 sekilogram iaitu kenaikan 90 sen berbanding minggu lalu.

“Saya yang kerap ke pasar untuk membeli barang basah mendapati harga ayam ini naik buat kali ketiga dalam tempoh seminggu sejak minggu lalu.

“Walaupun setiap kenaikan cuma 30 sen, ia amat kerap dalam tempoh singkat mem-

buatkan kami sebagai pengguna terkesan,” katanya ketika ditemui di sini semalam.

Seorang lagi pengguna, Abdul Rashid Mokhtar, 42, mendakwa, kenaikan tersebut seakan-akan mengambil kesempatan ketibaan Ramadan.

“Setiap kali Ramadan dan Syawal mesti harga ayam melambung dengan alasan kononnya permintaan tinggi.

“Saya tidak nampak pun berlaku kekurangan bekalan ayam. Elok juga cadangan kerajaan mengimpor ayam bagi memberi tekanan kepada pengeluar agar harganya kekal stabil,” katanya.

Sementara itu, seorang peniaga, Mohd. Hafizul Hamdan, 40, mengakui berlaku kenaikan har-

ga ayam sebanyak tiga kali sejak seminggu lalu.

“Perubahan ini mengikut harga ayam yang diterima di peringkat pembekal dan pemborong.

“Berdasarkan pengalaman, saya tidak tolak kemungkinan harga ayam segar akan naik lagi menjelang Aidilfitri nanti,” katanya.

Seorang lagi peniaga, Mohamad Razali Tahar, 42, mengakui bekalan ayam adalah stabil dengan 250 ekor dibekal setiap hari.

“Walaupun bekalan ayam stabil, perubahan harga sukar untuk ditentukan. Contohnya tahun lalu, bekalan ayam pada bulan puasa dan raya juga stabil tetapi harganya mencecah RM12 sekilogram,” katanya.

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR